

04/01/2005

Tsunami-Mahathir

MAHATHIR BANGGA RAKYAT MALAYSIA BANTU MANGSA TSUNAMI

SUNGAI PETANI, 4 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berbangga dengan sikap rakyat Malaysia yang prihatin terhadap masalah yang dialami mangsa ombak besar tsunami dengan menghulurkan bantuan melebihi daripada apa yang diperlukan.

"Walaupun bencana ini juga berlaku di beberapa negara lain tetapi mereka (negara berkenaan) tidak mendapat respon dan simpati daripada rakyat mereka sendiri seperti yang dilakukan rakyat Malaysia," kata beliau selepas melawat mangsa ombak besar itu di pusat penempatan sementara di Kota Kuala Muda di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun merasa kecewa kerana ada pihak yang menggunakan tragedi itu untuk menyebarkan khabar angin dan memberikan butiran palsu dalam ceramah untuk meraih simpati.

"Ada pihak yang tidak faham masalah orang lain dan mereka cuma mahu mengambil kesempatan menanggung di air keruh tanpa mempedulikan masalah yang menimpa orang lain," katanya.

Mengenai sikap kuasa besar yang tidak menghulurkan bantuan kepada Malaysia beliau berkata mungkin negara-negara itu mengandaikan bencana di negara ini tidak begitu besar.

Katanya Malaysia tidak memerlukan bantuan dari negara kuasa besar sebaliknya bersedia menghulur bantuan perubatan, makanan dan bekalan air minuman kepada negara yang teruk dilanda ombak besar seperti Indonesia dan Sri Lanka.

"Inilah cara Malaysia, kita sedia membantu negara jiran yang mengalami masalah," katanya.

-- BERNAMA

CSN ZA FA MAI